

PERANAN BAPA DALAM PENGURUSAN KELUARGA PADA ERA PANDEMIK COVID-19 : ANALISIS DARIPADA PERSPEKTIF SURAH LUQMAN

THE ROLE OF THE FATHER IN FAMILY MANAGEMENT IN THE ERA COVID -19: ANALYSIS FROM THE PERSPECTIVE OF SURAH LUQMAN

Nor Syahida Hashim¹, Siti Sarah Izham², Musaiyadah Ahmadun³*

¹ Pensyarah PTFT, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 02600 Kampus Arau, Perlis, norsyahida@uitm.edu.my.

² Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Shah Alam, Selangor, sarahizham@uitm.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 88997 Kampus Kota Kinabalu, Sabah, musaiyadah@uitm.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Jun 2022

| Selepas Pembetulan: 1 Ogos 2022

| Diterima untuk terbit: 20 Ogos 2022

Abstrak

Sejak akhir tahun 2019 telah bermula pengesanan virus COVID-19 dan telah membawa kepada penularan wabak ini di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Kesan penularan virus COVID-19 ini dilihat bukan sahaja kepada kesihatan, pendidikan dan pekerjaan, bahkan ia memberi kesan kepada kerukunan kekeluargaan. Jika sebelum ini, pertemuan sesama ahli keluarga pada waktu-waktu tertentu sahaja, tetapi akibat penularan wabak ini membawa kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), menyebabkan semua ahli keluarga berkumpul di dalam rumah dalam tempoh yang sangat lain. Ketepuan berada di rumah menyebabkan berlakunya pelbagai masalah sama ada dari sudut emosi, fikiran mahupun tingkahlaku. Justeru itu, objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis peranan bapa dalam pengurusan keluarga pada era pandemik COVID-19 di dalam surah Luqman. Ini kerana bapa adalah tonggak utama dalam memastikan keharmonian keluarga. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kandungan. Analisis data menggunakan pendekatan diskriptif. Sampel kajian melibatkan ayat-ayat terpilih dalam surah Luqman. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga elemen utama dalam pengurusan keluarga. Pertama; menjadi pemimpin yang amanah dalam keluarga. Kedua, pelindung yang bersifat rahmah. Ketiga, pendidik yang mendidik akhlak yang baik. Hasil kajian mendapati peranan bapa adalah sangat penting dalam memastikan keharmonian dan kesejahteraan keluarga terjaga di sepanjang era pandemik ini. Kajian sebegini sangat penting sebagai menambah kajian-kajian yang berbentuk pemeliharaan keluarga di era pandemik apatah lagi kajian ini menggunakan panduan wahyu sebagai sandaran.

Kata kunci :Bapa, COVID-19, Pemimpin, Pelindung, Pendidik

Abstract

Since the end of 2019, the detection of the COVID-19 virus has begun and has led to the spread

of this epidemic throughout the world including Malaysia. The impact of the spread of the COVID-19 virus is seen not only on health, education, and employment but also in family harmony. If before, family members met at certain times only, but due to the spread of this epidemic, the Movement Control Order (MCO) was implemented, causing all family members to gather indoors in a very different period. Saturation at home causes various problems whether from an emotional, mental or behavioral point of view. Therefore, the main objective of this study is to analyze the role of fathers in family management in the era of the COVID-19 pandemic in Surah Luqman. This is because the father is the main pillar in ensuring family harmony. This study uses a qualitative approach in the form of content analysis. Data analysis uses a descriptive approach. The study sample involves selected verses in Surah Luqman. The findings of the study show that there are three main elements in family management. First; be a trusted leader in the family. Second, a merciful protector. Third, educators who educate good morals. The results of the study found that the role of the father is very important in ensuring the harmony and well-being of the family are maintained throughout this pandemic era. This kind of study is very important to add to the studies in the form of family preservation in the pandemic era, not to mention that this study uses revelation guidance as a backup.

Keywords: Leader, protector, educator, father, COVID -19

1.0 Pengenalan

Lelaki diciptakan oleh Allah SWT sebagai qawwam atau pemimpin dan dibahu mereka terletak tanggungjawab dan tugas yang amat besar. Menurut Rasyid Redha (1328) perkataan *qawwam* ini membawa maksud *al-himayan* (pelindung), *al-ri'ayah* (penjagaan), *al-kifayah* (pencukupan) dan *al-wilayah* (kepimpinan). Oleh itu, bapa adalah *role model* lelaki dan mereka merupakan trendsetter dalam sesebuah keluarga (Safinah Ismail, 2018). Tugas seorang bapa ini telah Allah sebutkan di dalam surah al-Tahrim ayat ke 6 iaitu:

Maksudnya: Wahai orang-orang beriman, Peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, dan keras yang tidak durhaka kepada Allah terhadap apa yang Dia perintahkan kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.

Justeru itu, di era pandemik COVID-19 ini, peranan bapa harus diperkuatkan kerana individu ini menghadapi pelbagai cabaran baharu dalam memastikan institusi keluarga kekal selamat dan sihat. Pandemik COVID-19 ini terlalu memberi impak dalam pelbagai kehidupan masyarakat sehingga ia mengganggu kesejahteraan mental dan emosi sebahagian daripada masyarakat tidak terkecuali golongan bapa sebagai pemimpin keluarga. Mereka terpaksa menjalani kehidupan yang luar daripada kebiasaan sebelum ini sehingga menyebabkan mereka berada dalam keadaan tertekan, berputus asa dan seakan tiada arah (Sinar, 2021).

Bagi membendung perkara ini daripada terus berlarutan, golongan bapa haruslah mempunyai satu panduan khusus dalam menguruskan keluarga dengan mencontohi personaliti kebapaan para nabi dan generasi soleh sebelumnya agar tanggungjawab dan peranan sebenar bapa sepanjang menghadapi pandemik covid ini dapat diuruskan dengan sebaiknya (Izzah Nur Aida, 2015). Selain itu, bapa juga haruslah menjadikan al-

Quran sebagai rujukan utama sepanjang menguruskan keluarga kerana terdapat banyak kisah dan pesanan-pesanan yang dapat dijadikan panduan antaranya adalah daripada surah As soffat ayat ke 100 dan 102, surah al Qasas ayat 26 hingga ayat 27, surah al Baqarah ayat ke 133 dan surah Luqman ayat ke 12 hingga ayat ke 14 (Rahmi, 2015). Justeru itu, kajian ini bertujuan menganalisis peranan bapa dalam menguruskan keluarga sepanjang pandemik COVID-19 berlandaskan kepada pesanan-pesanan yang terkandung di dalam surah Luqman.

2.0 Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen (diskriptif). Sumber data diperolehi melalui sumber-sumber primer dan sekunder berkaitan dengan tajuk kajian. Antara rujukan dokumen ialah kitab tafsir al-Tabari, Tafsir al-Qurtubi, Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Maraghi, tafsir fi Zilal al-Quran dan Tafsir al-Azhar. Ke semua ini dijadikan pemboleh ubah dalam kajian. Selain itu, kajian ini juga mendapatkan data menerusi artikel dan jurnal, tesis-tesis sarjana, tesis-tesis doktor falsafah dan melalui portal-portal berita. Untuk mencapai objektif kajian pengkaji menganalisis ayat-ayat al-Quran dalam Surah Luqman berkaitan peranan bapa membentuk keluarga. Semua pemboleh ubah ini dianalisis bagi menjawab persoalan kajian berkaitan peranan bapa dalam era pandemik. Data yang dikumpul akan dianalisis secara diskriptif bagi menyesuaikan pendekatan tersebut dalam menangani isu-isu yang terkait dengan keluarga di era pandemik ini.

3.0 Dapatan dan Perbincangan

Dapat dan perbincangan pada bahagian ini kepada dua bahagian utama. Pertama latar belakang surah dan mengenai Luqman sebagai seorang tokoh bapa yang berjaya. Kedua, pesanan-pesanan Luqman dalam pengurusan keluarga. Untuk bahagian kedua, iaitu pesanan-pesanan Luqman dalam pengurusan keluarga dibahagikan kepada tiga peranan bapa, ia sebagaimana berikut:-

3.1 Latarbelakang surah dan mengenai Luqman tokoh seorang bapa

Surah Luqman adalah surah yang dikategorikan sebagai surah Makiyyah iaitu surah yang diturunkan sebelum berlakunya hijrah Nabi Muhammad SAW atau lebih tepat lagi surah ini merupakan antara surah terakhir diturunkan di Makkah kerana penurunannya selepas peristiwa Israk dan Mikhraj Nabi s.a.w. Kedudukan surah Luqman adalah diantara surah as Saffat dan surah as Sajdah. Walaubagaimanapun, kedudukan surah Luqman di dalam mushaf adalah selepas surah ar-Rum dan sebelum surah as Sajdah. Surah ini hanya dinamakan sebagai surah Luqman dan tiada nama lain yang menyusulinya. Penamaan nama Luqman adalah berkaitan kisah Luqman yang bermula ayat ke 12. Hubungan surah ini dengan surah sebelum iaitu surah ar Rum dimana surah ar Rum membicarakan berkaitan orang-orang yang diberi ilmu dan kemuncaknya diberikan al-Quran. Manakala surah Luqman membicarakan perintah bertabah dan bersabar, tidak gelisah atau terumbang ambing oleh gangguan dan cemuhan kaum musyrikin (M. Quraish Shihab, 2012).

Nama sebenar beliau ialah Luqman ibn Ba'ura ibn Nahur ibn Tarih (al-Qurtubi, 1990). Beliau merupakan seorang lelaki yang berkulit gelap. Seorang hamba berketurunan

Habsyah dan pekerjaannya ialah tukang kayu (Al-Tabari, 1978), ada juga yang berpandangan beliau seorang tukang jahit dan seorang penggembala (Al-Alusi, t.t). Walauapapun pekerjaannya, beliau adalah seorang yang soleh yang dikurniakan oleh Allah hikmah kebijaksanaan sebagaimana yang terakam dalam surah Luqman pada ayat ke 12. Sekalipun nama beliau diangkat menjadi nama surah dan kisah dialog beliau dirakamkan di dalam al-Quran, Luqman bukanlah seorang Nabi tetapi beliau adalah hamba Allah yang terpilih dari kalangan hamba-hamba yang soleh (Al-Tabari, 1978) yang lain yang kisahnya dapat diketahui menerusi surah Luqman.

Hikmah kebijaksanaan Luqman dirakamkan oleh Allah menerusi surah ke 31 ini, iaitu bermula pada ayat ke 12 sehingga ayat ke 19. Hikmah kebijaksanaan Luqman ini juga telah mengangkat beliau sebagai antara tokoh bapa yang menjadi contoh untuk diikuti oleh semua bapa dalam proses mendidik anak-anak (Safinah Ismail, 2018). Tokoh lain selain Luqman adalah Nabi Ibrahim AS Nabi Ayyub AS dan sebagainya. Bapa berperanan sebagai pemimpin, pelindung dan pendidik utama dalam sesebuah keluarga. Untuk merealisasikan ketiga-tiga peranan bapa ini ia bermula dengan komunikasi yang baik, sopan dan penuh terpimpin. Ini kerana komunikasi sebegini akan membina hubungan yang baik antara bapa dan anak, seterusnya membentuk kecerdasan berfikir dan perkembangan anak-anak (Ahmad Gawdy Pranansa, 2018) yang taat kepada Allah sebagaimana pesanan-pesanan Luqman.

3.2 Pesanan-Pesanan Luqman dalam Pengurusan Keluarga

Daripada analisis kandungan yang dijalankan terhadap surah Luqman, terdapat lapan ayat utama yang boleh dijadikan panduan dan pegangan kepada kaum bapa agar dapat menguruskan keluarga dengan baik dan cekap sepanjang pandemik COVID 19. Ayat ke 12 hingga ayat ke 19 telah memberi petunjuk kepada kaum bapa supaya menjadi pelindung yang bersifat rahmah, pemimpin yang amanah dan pendidik yang mendidik dengan akhlak yang baik. Berikut merupakan penerangan lanjut berkaitan dengan pesanan-pesanan Luqman di dalam al-Quran:

i. Pelindung yang bersifat rahmah.

Pesanan Luqman pertama yang dapat diterjemahkan sebagai peranan bapa dalam pengurusan keluarga ialah menjadi pelindung. Pelindung yang bersifat rahmah. Ini dapat dilihat menerusi ayat ke 12 dan ke 13.

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmah kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya): Bersyukurlah kepada Allah (akan segala nikmatNya kepadamu)". Dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji. (12) Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya:" Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar". (13)

(Luqman 31 : 12-13)

Pada ayat ke 12 di atas, Allah SWT menggunakan kalimah hikmah bagi menunjukkan kelebihan yang dimiliki oleh Luqman. Menurut M Quraish Shihab (2012), hikmah

membawa erti mengetahui yang paling utama dari segala sesuatu, baik pengetahuan mahupun perbuatan. Ia merangkumi ilmu amaliah dan amal ilmiah. Ilmu amaliah adalah ilmu yang bersifat pengamalan manakala amal ilmiah adalah mengamalkan segala ilmu yang telah dipelajari. Selain itu, M Quraish Shihab (2012) menjelaskan, memilih perbuatan yang terbaik dan sesuai adalah tanda wujudnya hikmah. Seterusnya, M Quraish Shihab memetik pandangan Imam al-Ghazali berkaitan hikmah sebagai ilmu utama iaitu ia ilmu mengenal Allah dan yakin kepada Allah. (M Quraish Shihab, 2012).

Berdasarkan ayat ini, Allah SWT telah memberikan kepada Luqman pemahaman tentang Islam dan memerintahkannya untuk bersyukur atas segala kurniaan dan anugerah yang diberikan kepadanya. Allah juga mengingatkan kepada Luqman agar jangan kufur terhadap nikmat, kurniaan dan anugerah yang diberikan Allah kepadanya kerana kekufuran tersebut tidak sedikitpun menggugat Allah tetapi ia merugikan diri sendiri (Ibn Kathir, 2004).

Mengambil ibrah daripada ayat ke 12 belas, peranan seorang bapa adalah sangat berat. Sebelum mendidik anak-anak dan isteri, mereka terlebih dahulu mestilah mempunyai ilmu. Mereka haruslah sentiasa mencari ilmu dan pengetahuan dalam perkara dunia dan akhirat. Ilmu-ilmu yang dipelajari tersebut bukan sahaja dijadikan sebagai panduan hidup tetapi haruslah diamalkan agar mereka menjadi contoh dan ikutan yang baik kepada keluarga.. Ilmu utama yang mesti ada pada diri seorang bapa adalah ilmu yang berkaitan mengenal dan menyakini Allah serta ilmu-ilmu yang berkaitan dengan Islam. Seorang bapa juga, mestilah terlebih dahulu memupuk dalam diri mereka sifat syukur. Syukur dengan segala kurniaan dan anugerah Allah. Hasil daripada sifat syukur yang diamalkan oleh bapa tersebut dapat memberi kesan kepada kebahagiaan hidup seisi keluarga. Justeru itu, Orang yang bersyukur adalah orang yang akan berada jauh dari sifat kufur. Maka, peranan bapa sebagai pelindung pada ayat ke 12 ini mencakupi, melindungi anak-anak dan juga isteri daripada sifat jahil tentang Allah dari sudut kenal mahupun menyakini kewujudan Allah. Selain itu, seorang bapa menjadi pelindung kepada anak-anak dan isteri daripada sifat kufur yang tidak disukai Allah dengan menanam dan mendidik sifat syukur kepada ahli keluarganya.

Seterusnya melihat kepada ayat ke 13, kecintaan dan kasih sayang yang ditunjukkan oleh seorang ayah kepada anak adalah dengan menunjukkan jalan yang lurus iaitu mengajak anak-anaknya supaya tidak mensyirikkan Allah. Menurut Hamka, mensyirikkan Allah bermaksud menduakan Allah ini kerana tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Maha Esa (Hamka, 2019). Pada ayat ini, Allah merakamkan didikan Luqman kepada anak-anaknya supaya tidak menyekutukan dan mensyirikkan Allah. Luqman menerangkan kepada anak-anaknya bahawa perbuatan syirik tersebut dikategorikan sebagai sifat zalim yang amat besar kerana meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya. Al- Maragiyh (1946) dalam tafsirnya menyatakan dosa syirik adalah dosa besar kerana perbuatan ini menyamakan kedudukan Allah dengan makhluk-makhluk lain termasuklah berhala-bnerhala. Oleh itu, bapa haruslah mengambil ibrah daripada ayat ini, dengan menjadi pelindung yang bersifat rahmah iaitu dengan melindungi anak-anaknya daripada melakukan perbuatan yang mengundang kemurkaan, kemarahan dan perkara yang membawa kemudharatan kepada diri mereka di akhirat kelak (Siti Sarah, 2021).

Demikian ayat ke 12 dan ke 13 sebagai pengukuhan ke atas jati diri anak dan seisi keluarga. Hasil analisis kedua-dua ayat diatas kepada seorang bapa terus mendepani

cabaran semasa dan mendatang COVID-19 adalah bersiap siaga melengkap diri terutama ilmu kewangan, selain itu, bapa perlu mempraktikkan konsep syukur, serta menjauhi unsur syirik sama ia kecil mahu pun besar dalam amalan seharian keluarga. Hal ini kerana bapa sering dijadikan sandaran utama kepada seluruh ahli keluarga untuk memperoleh kestabilan fizikal, emosi mahupun spiritual di fasa pandemik ini.

Umum mengetahui dari pelbagai wacana dan berita implikasi COVID-19 meninggalkan kesan global kepada semua, dari peringkat makro negara sehinggalah kepada peringkat nukleus keluarga. Malaysian Institute of Economic Research (MIER) telah membuat dua jangkaan dari sudut kadar pengangguran rakyat apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan. Pertama, sekurang-kurangnya 2.4 juta daripada 16 juta rakyat Malaysia akan kehilangan pekerjaan. Kesan kehilangan pekerjaan melibatkan pendapatan isi rumah akan turut mengesani penurunan terhadap perbelanjaan isi rumah sebanyak 11% berikutan kehilangan pendapatan bersamaan dengan RM95 bilion. Kedua, seramai 951,000 orang daripada 16 juta pekerja akan kehilangan pekerjaan. Kesannya pendapatan isi rumah hilang sebanyak RM41 bilion dan perbelanjaan isi rumah berkurangan sebanyak 4.9% (Farique dan Fauzi, 2021). Oleh yang demikian, sarana terbaik oleh bapa terhadap ahli keluarga menghadapi tekanan global adalah kesiagaan dalam mempelajari ilmu kewangan bagi merangsang ekonomi keluarga. Ini akan menatijahkan ketua keluarga yang mempunyai ilmu pengurusan kewangan yang sistematik. Sementara anak-anak pula dapat belajar dan mengambil contoh kebaikan daripada apa yang bapa mereka praktik dan keluarga akan terbentuk amalan yang harmoni dan mempunyai sifat syukur yang tinggi untuk kekal harmoni.

Selain itu, implikasi tekanan semasa pandemik COVID-19 turut mempengaruhi persoalan aqidah dan syirik. Media sosial terus melaporkan isu kesyirikan yang meningkat ketika mana kes harian mencanak naik, terdapat sesetengah kalangan masyarakat terlalu obses dengan pelbagai teori konspirasi, sehingga ada yang bertindak membunuh diri sendiri setelah mengalami gangguan mental yang kronik (Kosmo, 2021). Justeru itu, dalam menempuh cabaran tidak di duga seperti ini, peranan bapa amat penting untuk bertindak sebagai pengendali emosi agar sesama ahli keluarga untuk terus stabil pedoman tauhid. Hal ini mengambil ibrah pemahaman larangan mensyirikan Allah SWT dalam ayat ke 13 surah Luqman dan seterusnya menyakini kepada sifat iradah Allah SWT Yang Maha Berkehendak yakni berkehendak melakukan sesuatu perkara tanpa terikat dengan sesuatu.

ii. Menjadi pemimpin yang amanah dalam keluarga.

Meneliti pesanan Luqman kepada anaknya pada ayat ke 14, 15, 16 dan 17 jelas memperlihatkan kredibiliti beliau sebagai seorang pemimpin. Seorang pemimpin yang berkualiti dapat dilihat bermula dari rumah. Ini sebagaimana hadith Nabi Muhammad SAW daripada Saidatina Aishah r.a yang telah diriwayatkan oleh al-Tirmizi dengan maksudnya; "Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap ahli keluarganya, dan aku adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluargaku..." (Hadith riwayat al-tirmizi, 3895). Berdasarkan hadith Nabi SAW ini jelas menunjukkan sesiapa yang ingin mengetahui dirinya baik atau tidak, mestilah dilihat bagaimana mereka menyantuni, mendidik dan bermuamalah sesama ahli keluarga. Maka, Islam menyeru umatnya untuk sentiasa berbuat baik kepada ahli keluarga serta selainnya (Ibrahim Adham, 2021).

Pada ayat ke 14 dan 15 Luqman telah berpesan agar seseorang anak haruslah mentaati

kedua ibu bapa. Ini bertepatan dengan ajaran Luqman pada anaknya untuk taat kepada ibubapa dengan menerangkan secara lengkap tanggungjawab dan kesusahan yang dipikul oleh seorang ibu bermula saat mengandung lagi.

Digunakan kalimah *wahnan 'ala wahni* demi menguatkan bahawa disepanjang proses mengandung, menyusun dan menceraikan susu itu seorang ibu mendapat kesusahan demi kesusahan. Walaubagaimanapun ketaatan kepada ibubapa tidakkan boleh melebihi ketaatan kepada Allah. Menurut Syed Qutb (2001) ketaatan disini hanyalah pada ruang tidak mensyirikkan Allah dan melanggar tegahan Allah sahaja. Tetapi dalam soal yang lain, seseorang itu mestilah terus mentaati ibubapanya (M Quraish Shibah, 2012). Ayat ke 16 pula Luqman mengingatkan anaknya bahawa setiap perkara yang dilakukan sekalipun seberat biji sawi yang tersembunyi di dasar tanah sekalipun, Allah Maha Mengetahui dan pasti akan diadili. Seterusnya Luqman memimpin anaknya untuk mendirikan solat, melakukan perkara yang ma'aruf dan mencegah kemungkaran dan bersabar atas segala ujian dan musibah (Ibn Kathir, 2004). Pesanan-pesanan Luqman ini memperlihatkan nilai kepimpinan beliau dalam mengemudi institusi kekeluargaan. Seorang lelaki itu setelah dia bertanggungjawab memimpin dirinya, dia mestilah bertanggungjawab memimpin keluarganya yang terdiri daripada isteri, anak-anak dan kaum kerabat (Fathi Yakan, 2009).

Daripada hasil analisis ayat ke 14 hingga 17 daripada surah al Luqman, terdapat tiga peranan utama bapa sebagai pemimpin yang perlu dipraktikkan dalam menguruskan keluarga sepanjang pandemik COVID-19 iaitu pertama, bapa haruslah dengan penuh amanah menyampaikan arahan Allah kepada anak-anaknya agar mentaati dan menghargai kedua orang tuanya. Ini dapat dipraktikkan sepanjang pandemik COVID 19, di mana anak-anak dan keluarga hendaklah dinasihati agar sentiasa menjaga dan mematuhi peraturan dan SOP sepanjang keberadaan mereka diluar atau di dalam rumah agar penyebaran penyakit berjangkit ini dapat dikawal dan tidak mendatangkan kemudaratan khususnya kepada ibu bapa.

Kedua, seorang bapa yang bersifat pemimpin mestilah memimpin ahli keluarganya untuk mendirikan solat kerana ia melibatkan ketaatan dan hubungannya kepada Allah. Pada ketika ini, bapa berperanan mewujudkan suasana ibadah di rumah dengan lebih kerap melaksanakan solat fardhu berjemaah bersama anggota keluarga. Dengan adanya suasana ini, ia berupaya mendekatkan hati antara satu sama lain dan dapat menyumbang kepada kesihatan mental seisi keluarga. Peranan ketiga adalah seorang bapa itu mestilah mengajar dirinya dan kaum keluarganya untuk sentiasa bersabar dan memandangi ujian COVID-19 yang diberikan ini dari sudut yang positif. Kerana dalam kehidupan di dunia ini pasti tidakkan sunyi dengan ujian dan musibah, dengan melengkapkan diri dengan kesabaran akan menerbitkan kefahaman bahawa Allah tidak melakukan sesuatu perkara dengan sia-sia.

iii. Pendidik yang mendidik akhlak yang baik

Pada ayat ke 18 dan 19 surah Luqman, ia membicarakan berkaitan perlakuan atau perbuatan yang mesti dijauhi kerana ia bersifat perbuatan yang buruk. Oleh itu, pesanan Luqman kepada anaknya pada dua ayat ini dapat diterjemahkan sebagai peranan bapa dalam pengurusan keluarga ialah menjadi pendidik yang mendidik akhlak yang baik.

Ayat ke 18 adalah pesanan Luqman yang datangnya dari Allah taala yang memerintahkan hambaNya jangan bersikap sombong. Sifat orang yang sombong terbahagi kepada dua iaitu pertama, apabila berbicara dengan orang lain ia tidak melihat wajah orang yang bercakap dengannya. Kedua, mereka berjalan dengan mendabik dada (Hamka, 2019). Menurut Syed Qutb (2001), berjalan dibumi dengan lagak yang sombong ialah berjalan dengan gaya takbur dan tidak mempedulikan manusia iaitu satu lagak yang dibenci Allah dan dicemuh oleh manusia. Lalu, pada ayat ke 19, Allah mengajar cara jalan yang sopan atau cara jalan yang terbaik iaitu berjalan secara sederhana. Tidak terlalu laju dan tidak terlalu perlahan sehingga membuang masa (Al-Maraghi, 1946). Dan diakhiri pesanan Luqman pada ayat ke 19 adalah untuk merendahkan suara. Janganlah diangkat suara menjerit-jerit dan janganlah sampai bercakap dalam bentuk berbisik-bisik (M Quraish Shihab, 2012).

Berdasarkan pesanan-pesanan Luqman ini peranan seorang bapa itu adalah menjadi pendidik pertama yang mendidik anak-anaknya. Mereka mestilah memainkan peranan sebagai pendidik yang mendidik akhlak yang baik ke dalam diri anak-anak. Dalam soal ini, Luqman memulakan didikan akhlak kepada anaknya dengan mengajak anak-anaknya untuk tidak sombong. Sombong ini adalah penyakit yang paling bahaya yang mampu menjerumuskan manusia ke lembah kezaliman, sebagaimana kisah Iblis dahulu dikeluarkan daripada Syurga adalah disebabkan tidak taat kepada Allah untuk sujud kepada Nabi Adam lantaran kerana kesombongan menguasai dirinya (Anisah Setyaningrum, 2013). Maka, seorang bapa mestilah mendidik anak-anak dari menjauhi bersifat sombong, mendidik mereka menjadi manusia yang merendah diri, meraikan orang sekeliling dan bersederhana dalam setiap perbuatan. Selain dari didikan ini, seorang bapa berusaha mendidik diri dan ahli keluarga untuk mengikut contoh akhlak baginda Nabi s.a.w.

Daripada ayat 18 dan 19 surah Luqman ini juga menunjukkan bahawa bapa haruslah berperanan menjadi sebagai pembimbing kepada seluruh ahli keluarga sepanjang pandemik COVID-19 melanda. Di mana, terdapat dua prinsip penting yang perlu ditekankan oleh bapa sepanjang membimbing dan mendidik ahli keluarga agar tidak angkuh dan sombong iaitu pertama, jangan mudah menyalahkan orang lain sebaliknya ahli keluarga haruslah memainkan peranan penting dalam memerangi virus ini secara bersama (Israr Khalid, 2021). Kedua, mengajarkan ahli keluarga sentiasa berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada mana-mana individu. Sebaliknya, pohonlah pertolongan dan bergantung haraplah sepenuhnya hanya kepada Allah. Ini kerana, hanya Allah SWT sahaja yang mampu membantu dan menolong. Selain daripada Allah SWT adalah lemah dan tidak berkuasa. Memohon kepada yang lemah dan tidak ada apa-apa kekuasaan akan mengundang kekecewaan dan putus harapan (Nur Fatim dan Rohaizan Baru, 2017).

4.0 Kesimpulan

Analisa peranan bapa dalam menguruskan keluarga menghadapi pandemik COVID-19 mendapati *qudwah hasanah* terbaik bagi lelaki bergelar bapa adalah menjadikan para anbiya' serta lelaki-lelaki soleh sebagai *role model* sekali gus meletakkan gelaran trendsetter tersebut benar benar mengikut acuan al-Quran.

Analisa pesanan-pesanan berdasarkan surah Luqman yang memfokuskan kepada lapan ayat utama iaitu (ayat ke ke 12 hingga ayat ke 19) adalah jelas sungguh realistik

mendepani masa. Ia dapat dijadikan sebagai panduan dan pegangan kepada kaum bapa agar dapat menguruskan keluarga dengan baik dan cekap sepanjang pandemik COVID-19. Hal ini kerana al-Quran menunjukkan Luqman hanya seorang lelaki biasa, seorang hamba, tiada kedudukan istimewa dalam masyarakat, namun banyak kredibiliti seorang bapa masa kini dapat diambil iktibar oleh kebanyakan lelaki.

Asas dalam nasihat Luqman sebagai bapa adalah mengukuhkan aqidah. Beliau tegas dalam persoalan tauhid dengan melarang segala bentuk unsur kesyirikan kepada Allah SWT. Pegangan tauhid inilah dapat menjadi asas jati diri anak sebagai hamba kepada Allah SWT. Setelah mengukuhkan asas aqidah, Luqman menyarankan agar mereka menuntut ilmu-ilmu yang benar. Tujuan mempelajari keilmuan adalah untuk beramal supaya senantiasa berada dalam landasan syariat yang benar. Justeru jalan inilah yang telah diikuti oleh para *anbiya'* dan golongan soleh menuju al falah di dunia dan akhirat. Seterusnya paling utama dan praktikal nasihat Luqman kepada semua adalah memperelokkan penampilan sebagai seorang muslim yang berakhlak. Ini menjelaskan peri pentingnya didikan akhlak Islamiyah wajar bermula dari rumah.

Dalam membimbing anak dan keluarga menghadapi cabaran dunia yang serba canggih dan sofistikated, Luqman telah mendahului zaman dengan mengajarkan prinsip dan keutamaan dalam hidup. Beliau telah berjaya mengaplikasikan *role model* ketua keluarga sebagai pelindung yang perlu ada sifat rahmah, beliau juga memberi motivasi agar ketua keluarga terus memimpin keluarga dengan penuh amanah, setelah itu, beliau meninggalkan tip sebagai mukmin iaitu memperelokkan akhlak sebagai cerminan agama.

COVID-19 adalah sebuah cabaran dan pengalaman pahit kepada semua bapa-bapa di dunia, namun berputus asa bukanlah ciri orang beriman. Oleh itu, mengambil ibrah kesuksesan Luqman sebagai bapa dapat memberi panduan dalam mencerna pandangan alam kini. Justeru, segala bentuk keilmuan dalam mengharungi cabaran, dugaan mahupun ujian hidup perlu dibekalkan dengan pengharapan yang total kepada Allah Taala.

5.0 Rujukan

Abu Abdullah Muhammad ibn Ahmad al-Qurtubi. 1990. Al-Jami' Li Ahkam al-Quran. Jil 6. Kaherah: Dar al-Sya'ab.

Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir al-Tabari. (1978). Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran. Cet. 3. Jil. 21. Lubnan: Dar al-Ma'rifah.

Ahmad Gawdy Pranansa. 2018. Konsep Komunikasi Pendidikan dalam al-Quran Surah Lukman. Journal Of Administration and Educational Management (ALIGNMENT) 1(1).

Ahmad Mustafa al-Maraghiy, Tafsir al-Maraghiy, c. 1, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu, 1946.

Syed Qutb, fi Zilal al-Qur'an, c. 30 (Misr: Dar al-Syuruk, 2001).

- Farique, M. A. M., & Fauzi, M. A. M. (2021). Implikasi Pandemi COVID-19 terhadap Ekonomi Global dan Ekonomi Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 2(2), 122-129.
- Fathi Yakan. 2009. Apa Artinya Saya Menganut Islam? Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- M Quraish Shihab. 2012. Tafsir al-Mishbah. Vol. 10. Cet. 5. Jakarta: Lentera Hati. <https://www.kosmo.com.my/2021/08/13/bunuh-diri-kerana-obses-dengan-teori-konspira-si-covid-19/>.
- Ibn Jarir al-Tobari, Tafsir al-Tobari: Jami' al-Bayan 'an Takwil Aya al-Qur'an, c.1 (Damsyiq: Dar al-Qalam, 1998).
- Ibn Kathir, Tafsir al-Qur'an al-'Azim (Riyadh: Dar al-Salam Li al-Nasyar wa al-Tawzi': 2004).
- Ibrahim Adham (2021), Irsyad Al-Hadith Siri Ke 518: Status Hadith "Berbuat Baiklah Kepada Ahli Keluarga" diakses daripada lama sesawangan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, pada 13 Disember 2021, di laman <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/4707-irsyad-al-hadith-siri-ke-518-status-hadith-berbuat-baiklah-kepada-ahli-keluarga>
- Israr Khalid (2021), COVID-19: Berhenti Salahkan Sesiapa, Ini Tanggungjawab Kita Semua, dicapai pada 28 Disember 2021, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-berhenti-salahkan-sesiapa-ini-tanggungjawab-kita-semua-dr-farhan-298889>.
- Izzah Nur Aida Raffar dan Salasiah Hanin Hamjah (2015), Personaliti Bapa daripada Perspektif Islam, *Global Journal al-Thaqafah* 5 (2), 89-97.
- Kosmo (2021), Bunuh Diri Kerana Obses Dengan Teori Konspirasi COVID-19, dicapai pada 25 Januari 2022.
- M.N. Rashid, R.Ara Begum, M.Mokhtar dan J.J. Pereira (2014), Pelaksanaan Analisis Kandungan Sebagai Metodologi Kajian Bagi Mengenalpasti Kriteria Pembinaan Lestari, *Journal Of Advanced Research Desgin* 1 (1), 18-27.
- Nur Fatin Yusni dan Rohaizan (2017), Konsep Isti'anah Dalam Surah al-Fatihah Mempengaruhi Kehidupan Muslim Melalui Amalan Ibadah, *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, 118-123.
- Rahmi (2015), Tokoh Ayah Dalam Al-Quran dan Keterlibatannya Dalam Pembinaan Anak Kafa'ah, *Jurnal Ilmiah Kajian Gender* 2 (2), 1-10.
- Safinah Ismail. 2018. Elemen Komunikasi Bapa dalam Surah Luqman. *International Conference in Islamiyyat Studies*. Faculty Of Islamic Civilisation Studies. International Islamic University College Selangor, Malaysia.
- Sinar Harian (2021), Ibu Bapa Tertekan Urus PdPR anak, dicapai pada 23 Disember 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/149337/LAPORAN-KHAS/Ibu-bapa-tertekan-urus-PdPR>

JAWATANKUASA JURNAL PENGAJIAN ISLAM

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
<http://journal.kuis.edu.my/e-jurnal-pengajian-islam/>